

KUALA LUMPUR

Terowong Smart ditutup

Terowong Smart ditutup kepada lalu lintas mulai jam 4.15 petang semalam berikutan hujan lebat di kawasan tadahan Sungai Klang/Sungai Ampang.

Pengarah Pusat Kawalan Smart, Low Koon Sing, berkata paras air Sungai Klang di Jambatan Tun Perak mencecah 29 meter pada jam 4.34 petang.

"Jika paras ini naik lagi, beberapa kawasan tumpuan di Kuala Lumpur, Lebuhraya Pasar, Kampung Baru, Jalan Tun Razak, Jalan P Ramlee, Jalan Pinang, Kompleks Lama Mahkamah, Jalan Munshi Abdullah, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Kampung Ampang akan ditenggelami air limpahan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

